



جايتن حال احوال اكام اسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 13 SYAWAL 1441H/ 05 JUN 2020M

## KEHIDUPAN PASCA PANDEMIK

Disediakan oleh:  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ

الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (Al-Ahzab:21)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ الْهَادِي إِلَى الْحَقِّ وَإِلَى  
الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Allah SWT berfirman,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.(Al-Ahzab: 21)

## HADIRIN JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Kedatangan Syawal pada tahun ini disambut dengan sederhana tidak seperti tahun-tahun sebelumnya kerana hakikatnya kita masih lagi memerangi pandemik Covid-19. Biarpun realitinya kadar kes di Malaysia semakin menurun, janganlah kita alpa dari menjaga kebersihan, penjarakan sosial dan kuarantin diri seperti yang telah digariskan oleh Baginda Rasulullah SAW. Bersama-sama kita memerangi Covid-19.

Melihat kepada jumlah kes Covid-19 di Malaysia serta kekangan ekonomi yang kian terasa, kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei lepas yang menyaksikan hampir seluruh kegiatan ekonomi dimulakan semula. Walaupun hakikatnya ramai berasa gembira kembali semula bekerja setelah lama duduk di rumah, janganlah kita ghairah sehingga terlupa menjaga kesihatan dan penjarakan sosial hingga menjadikan usaha memerangi pandemik ini sia-sia.

Menurut *World Health Organization* (WHO), selagi vaksin untuk Covid-19 belum ditemui maka kemungkinan berlakunya gelombang kedua masih ada. Lihat sahaja apa yang berlaku di China baru-baru ini, kerajaannya terpaksa menutup salah sebuah bandarnya apabila 41 orang dikesan dijangkiti Covid-19 pada bulan Mei lepas. Mudah-mudahan Malaysia tidak mengalami pengulangan peristiwa yang sama. Aamiin.

Oleh itu, mimbar hari ini ingin mengajak jemaahnya untuk bersedia mengadaptasi Norma Baharu Pasca Covid-19 dalam kehidupan seharian kita sebagai langkah

keselamatan bukan sahaja untuk diri kita, tetapi demi keluarga, rakan taulan dan masyarakat secara amnya.

### **HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Kembalilah semula ke ajaran Islam. Sesungguhnya Islam itu bersifat menyeluruh termasuk mengajar umatnya mengenai adab termasuk ketika berhadapan dengan pandemik yang kita alami sekarang. Antaranya:

1. **Menutup muka ketika bersin dengan suara yang rendah seraya mengucapkan ‘Alhamdulillah’.** Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa apabila Nabi SAW bersin, Baginda menutup wajah dengan tangan atau kainnya bagi merendahkan suara. (HR Ahmad dan Tirmidzi). Ucapan ‘Alhamdulillah’ yang diungkapkan setelah bersin adalah sebagai kesyukuran kerana ia mengeluarkan sebarang kuman dan virus yang cuba memasuki tubuh badan lantas menyebabkan masalah kesihatan. Malahan pemakaian kain menutup muka semasa batuk atau bersin pula untuk memastikan kuman dan virus yang dikeluarkan sesudah bersin itu tidak menjangkiti masyarakat sekeliling.
2. **Membuang sebarang tisu atau kain penutup muka dengan segera** sesudah bersin atau batuk ke dalam tong sampah atau tempat pelupusan untuk mengelakkan persekitaran menjadi kotor serta wabak penyakit kembali menular di kalangan masyarakat.
3. **Mengelakkan persentuhan** seperti berjabat tangan atau berpelukan. Imam al-Qurtubi meriwayatkan bahawa ketika Baginda menerima kunjungan dari Taif, Rasulullah tidak bersalaman antara mereka dan hanya menerima janji setia sahaja. Hal ini kerana salah seorang ahli kumpulan itu dijangkiti penyakit kusta, dan Rasulullah ingin mengelakkan beliau dan sahabat-sahabatnya dijangkiti juga.
4. **Kuarantin diri sendiri dan elakkan keluar berjumpa orang ramai sekiranya dijangkiti penyakit.** Usaha memutuskan rangkaian Covid-19 pada ketika ini melihat kerajaan Malaysia mengarahkan seluruh rakyatnya berkurung dalam rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebenarnya hal yang sama juga pernah dilakukan ketika zaman Rasulullah SAW. Pada ketika itu wabak taun dan kusta melanda, oleh itu

pesakit dikehendaki untuk menjalani kuarantin dan dilarang keluar walau ke masjid untuk menghentikan penularan wabak itu.

## HADIRIN JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Peranan adab dan disiplin diri menjadi pemangkin utama dalam memastikan penularan wabak berbahaya seperti Covid-19 berjaya dihapuskan. Mengutamakan kebersihan di samping menghormati sesama masyarakat menjadi tembok ampuh untuk memastikan penularan sebarang penyakit dapat dihentikan sebelum ia menjadi serius dengan kerjasama sesama insan. Sekiranya terjangkit dan perlu menjalani kuarantin, banyakkkan bersabar dan percaya segala apa yang terjadi pastinya ada hikmah disebaliknya. Sesungguhnya kemuliaan adab dan akhlak menjadi matlamat Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada dunia seperti sabda Baginda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”.*

(HR Muslim)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَتَفَعَّلِيْ وَيَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: [088-522127](tel:088-522127) @ [088-522142](tel:088-522142)